

**TAKOR KUKUP**  
Lineated Barbet

FAMILI : Megalaimidae  
NAMA SAINTIFIK: *Megalaima lineata*



**CIRI-CIRI:** Individu dewasa bagi spesies ini bersaiz sederhana dengan paruh kekuningan yang tebal dan bahagian kepala berwarna coklat gelap. Pada bahagian dada terdapat jalur-jalur lebar berwarna putih. Bahagian pipi hingga ke tekak berwarna putih manakala terdapat jalur-jalur putih di bahagian atas sayap. Terdapat jalur-jalur putih dan hitam yang mengunjur sehingga ke bahagian perut. Panjang keseluruhan burung dewasa adalah di antara 27.0-28.0 sm.

**MAKANAN**

Buah-buahan, bijian dan putik bunga.

**HABITAT**

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan dipterokap, semak di kawasan terbuka, kawasan semak di pesisiran pantai dan kawasan pertanian. Spesies ini boleh dijumpai sehingga ke ketinggian 1,220 m dari aras laut.

**BUNYI**

Burung ini mengeluarkan bunyi *poo-poh* yang kuat dan mendayu, dengan nada kedua yang lebih tinggi. Kadang kala ia juga menghasilkan bunyi *koh-koh-koh-koh.....* yang laju.

**PEMBIAKAN**

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah daripada bulan September hingga Mei pada setiap tahun. Sarang di bina pada lubang pokok. Ketinggian sarang adalah daripada 3-12 m dari aras tanah. Burung betina boleh menghasilkan 2-4 biji telur yang berwarna putih pada setiap musim pembiakan. Anggaran saiz telur adalah 30.7 x 23.0 mm.

**STATUS**

Akta 76/72, dipelihara.